

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**PENJELASAN BAGI PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN BILANGAN
4 TAHUN 2018 BERKAITAN DASAR PENGUBAHAN KATEGORI PENGGUNAAN
TANAH, SYARAT-SYARAT DAN SEKATAN-SEKATAN UNTUK PROJEK
LADANG HUTAN NEGERI KELANTAN**

Arahan ini dikeluarkan untuk memperjelaskan Pekeliling PTG Bilangan 4 Tahun 2018 berkaitan dasar pengubahan penggunaan tanah, syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan kepentingan bagi tanah ladang yang terlibat dengan projek ladang hutan yang tidak berdaya maju.

2. Para 2 pekeling tersebut yang menyatakan bagi projek ladang hutan di atas Tanah Kerajaan yang telah diberimilik dengan tempoh pajakan tidak kurang daripada 50 tahun, syarikat/pemaju adalah dibenarkan untuk menanam tanaman lain sebagai sampingan selain daripada pokok spesis hutan mengikut kadar 70% (spesis hutan) dan 30% (lain-lain tanaman) bagi membolehkan ladang hutan diusahakan secara optimum.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Ladang yang telah diadakan pada 17 Disember 2020 telah memutuskan bahawa terdapat kekeliruan di para 2 tersebut kerana ianya merupakan dasar asal tanah-tanah yang diberimilik untuk projek ladang hutan.
4. Sehubungan dengan itu, tanah-tanah yang dimaksudkan di para 2 tersebut sebenarnya adalah dibolehkan untuk diubah syarat dengan mematuhi syarat-syarat di para 4 Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bilangan 4 Tahun 2018 termasuk denda pelanggaran syarat dan kelulusan adalah tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
5. Semua Pentadbir Tanah adalah diminta mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi permohonan yang dimaksudkan.

6. Arahan ini berkuat kuasa serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K. (KELANTAN), K.M.N*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah PLANMalaysia@Kelantan (JBPD)
8. YBr. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

FAIL : PTG.KN. 32/69 Jld. 4
BERTARIKH : 28 Jamadil Akhir 1442H
10 Februari 2021